

# POLISI PEMILIKAN DAN PERUSAHAAN TANAH NEGERI SABAH

## Satu Kajian Awal

*Mustapa Abdul Talip*  
Program Geografi, Sekolah Sains Sosial  
(Ruj. UMS: 68/98)

### **Pengenalan**

Tanah dan pembangunan gunatanah dari segi ekonomi merupakan salah satu faktor pengeluaran yang terpenting dalam sektor pertanian, manakala dari sudut sosialnya pemilikan tanah adalah lambang kedudukan sosial dalam kebanyakan masyarakat manusia. Dalam masyarakat yang berasaskan pertanian, kekayaan manusia diukur dengan luas tanah yang dimiliki (Ahmad Mahdzan Ayob, 1994). Keunikan dan keistimewaan tanah menurut beliau adalah merupakan pengeluar kepada makanan (bijirin) untuk manusia meneruskan penghidupan (sebagai makanan ruji). Sementara itu, tanah ialah faktor pengeluaran yang utama dari segi nilai ekonominya yang boleh dimiliki atau disewa kerana terdapat undang-undang yang diwartakan yang boleh mengawal jual beli dan sewa-menyewa. Di samping itu tanah adalah harta tak alih yang mesti digunakan di mana ia berada. Manusia hanya boleh mengubahsuai keadaannya dengan cara yang agak terhad seperti mengadakan sistem perparitan atau saluran untuk pengairan sawah dan sebagainya untuk tujuan pembangunan gunatanah pertanian yang akan mengeluarkan hasil sebagai lebih kepada pengusaha atau petani sama ada untuk pemantapan sumber ekonominya atau kelangsungan penghidupannya. Oleh yang demikian gambaran awal ini akan menjadi panduan kepada penulis untuk melihat perkembangan polisi pemilikan dan perusahaan tanah di peringkat negeri Sabah dalam ertikata hubungannya dengan pembangunan gunatanah pertanian.

